

Kemarahan pada KM beralih pada 'Seksualiti Merdeka'

Malaysiakini.com

November 4, 2011

by Susan Loone

Pelbagai kumpulan yang tidak puas hati dengan ketua menteri Pulau Pinang hari ini merancang perhimpunan besar di Komtar, Pulau Pinang, tetapi akhirnya tiada apa yang berlaku.

Suara Anak-anak Malaysia president Mohamad Ghani Abdul Jiman burning bar council logo Presiden Suara Anak-anak Malaysia Mohamad Ghani Abdul Jiman - pengkritik paling lantang Lim Guan Eng - yang sepatutnya mengetuai perhimpunan itu sebaliknya terlibat dalam perhimpunan menentang "Seksualiti Merdeka" di Kampung Rawa.

Kira-kira 70 orang menyertainya dalam perhimpunan 30 minit selepas solat Jumaat dengan diperhatikan pihak polis.

Turut terlibat anggota PERKASA, kumpulan anti-liberalisme agama dikenali BADAI, membawa plakad dan kain rentang menyatakan perasaan tidak senang dengan festival itu.

Mereka malah mengetuk wajah bekas pengerusi Majlis Peguam S Ambiga dan logo badan itu dengan penukul di atas jalan raya.

Ambiga dilaporkan dijadual merasmikan program itu manakala beberapa anggota Majlis Peguam didakwa terlibat sama dalam penganjurannya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/180550>